

**MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM
 KALI KELIMA
 (QMS ISO 9001 KALI KELIMA DAN EMS ISO 14001 KALI KEDUA)
 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Tarikh : 30 April 2015
 Masa : 9.00 pagi
 Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
 Kehadiran : Lampiran A

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>PENDAHULUAN</p> <p>Kata Aluan</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) mengalu-alu kehadiran ahli mesyuarat ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) kali kelima Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001 kali kedua. Dimaklumkan juga ini merupakan mesyuarat pertama kali menggabungkan dua Sistem Pengurusan ISO di Universiti Putra Malaysia iaitu QMS dan EMS;</p> <p>(b) mengucapkan tahniah kepada ahli yang terlibat dalam usaha pengantarabangsaan bagi program akademik, kepakaran, kebolehpasaran graduan dan promosi keserjanaan dalam usaha melonjakkan UPM dalam penarafan universiti di dunia. Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkukuhkan reputasi akademik dan penyelidikan apabila 13 (tiga belas) subjek program akademik telah tersenarai dalam 200 terbaik dalam Penarafan Universiti Dunia QS berasaskan subjek tahun 2015. Secara keseluruhannya, sebanyak 18 (lapan belas) daripada 21 (dua puluh satu) subjek UPM mencapai kedudukan 350 terbaik dunia.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
5.1	<p>Pengesahan Minit Mesyuarat</p> <p>5.1.1 Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) kali ke-4 yang telah diadakan pada 22 Mei 2014 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	5.1.2 Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) kali Pertama yang telah diadakan pada 7 Oktober 2013 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman
5.2	<p>Tindakan Susulan daripada Mesyuarat Lepas</p> <p>5.2.1 Tindakan Susulan MKSP QMS kali ke-4</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berkenaan tindakan susulan yang telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas sebagaimana Lampiran 1.</p> <p>5.2.2 Tindakan Susulan MKSP EMS kali Pertama</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berkenaan tindakan susulan yang telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas sebagaimana Lampiran 2.</p>	<p>Makluman dan tindakan sebagaimana lampiran</p> <p>Makluman dan tindakan sebagaimana lampiran</p>
5.3	<p>Penemuan Audit dan Penilaian Kepatuhan</p> <p>5.3.1 Penemuan Audit QMS</p> <p>5.3.1.1 Audit Pemantauan oleh SIRIM</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Audit Pemantauan Semakan 2 oleh SIRIM menerusi pembentangan, dan mengambil makluman bahawa:</p> <p>(a) Audit Pemantauan Semakan 2 MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM telah dilaksanakan pada 18 hingga 29 Ogos 2014. Sepanjang audit, seramai lima (5) orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat <i>tertiary</i>, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat;</p> <p>(b) hasil Audit Pemantauan Semakan 2 terdapat empat (4) ketakakuran dan 23 (dua puluh tiga) peluang penambahbaikan;</p> <p>(c) kesemua bukti objektif untuk penutupan ketakakuran (NCR) telah dimajukan kepada SIRIM dalam tempoh tiga (3) bulan seperti yang ditetapkan iaitu pada 1 Disember 2014 dan telah ditutup; dan</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(d) ringkasan statistik penemuan mengikut skop dan analisis kepada hasil laporan Audit Pensijilan Semula seperti di Lampiran 3.</p> <p>5.3.1.2 Audit Dalaman 2015</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil makluman berhubung laporan audit oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM menerusi pembentangan, dan mengambil maklum pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) telah diadakan pada 23 Mac hingga 26 Mac 2015, dan 30 Mac hingga 2 April 2015 yang bertujuan untuk:</p> <p>i. menentukan UPM telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut keperluan Standard MS ISO 9001:2008;</p> <p>ii. mengenal pasti peluang penambahbaikan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian UPM; dan</p> <p>iii. bersedia untuk menghadapi Audit Pemantauan oleh badan pensijilan.</p> <p>(b) mengambil maklum bahawa audit dalaman telah dilaksanakan oleh 85 (lapan puluh lima) orang Juruaudit UPM dan dibantu oleh Juruaudit PTJ.</p> <p>(c) dimaklumkan bahawa skop audit adalah menyeluruh iaitu pengurusan prasiswazah, siswazah, penyelidikan dan inovasi dan proses sokongan, dan operasi perkhidmatan melibatkan semua Pusat Tanggungjawab kecuali Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa dan Pusat Sains Marin.</p> <p>(d) mengambil makluman terhadap enam (6) kekuatan yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM iaitu:</p> <p>i. pencapaian keseluruhan KPI dan Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras telah berjaya diukur sepenuhnya;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<ul style="list-style-type: none"> ii. UPM menyatakan komitmen untuk menambahbaik kualiti perkhidmatan dengan pelaksanaan program integrasi pensijilan merangkumi Sistem Pengurusan Kualiti, Sistem Pengurusan Alam Sekitar dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bermula tahun 2015 untuk fasa pertama; iii. semua dokumen SPK boleh dicapai oleh semua staf menggunakan laman sesawang sistem e-ISO dengan menggunakan id dan kata laluan putra masing-masing; iv. komitmen Pengurusan PTJ adalah baik; v. Ekosistem kualiti UPM adalah baik dan teratur menerusi Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses secara berkala; dan vi. budaya kerja kualiti menunjukkan peningkatan. <p>(e) mengambil perhatian terhadap enam (6) kelemahan/cadangan hasil daripada penemuan audit yang dilapor oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. pengurangan peruntukan kewangan kepada PTJ memberi kesan kepada hampir keseluruhan program dan aktiviti di PTJ; ii. kawalan ke atas rekod khususnya melibatkan rekod yang tidak lengkap dan penggunaan kod fail yang tidak sama masih lagi lemah; iii. komitmen pensyarah dalam penyediaan keperluan pengajaran dan pembelajaran iaitu dengan fail kursus masih kurang; iv. UPM masih belum mempunyai satu sistem pelupusan rekod yang seragam yang boleh diterima pakai oleh semua PTJ; 	<p style="text-align: center;">Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>v. penggunaan logo pensijilan SPK (ISO 9001) di kepala surat rasmi yang tidak mengikut ketetapan badan pensijilan dan akreditasi masih berlaku melibatkan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat; dan</p> <p>vi. pematuhan kepada klausa 7.5.1 berkaitan Kawalan Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan, klausa 4.2.4 berkaitan Kawalan Rekod dan klausa 8.2.3 berkaitan Pemantauan dan Pengukuran Proses perlu ditingkatkan.</p> <p>(f) mengambil maklum analisis penemuan ketakakuran (NCR) dan peluang penambahbaikan (OFI) sebagaimana di Lampiran 4.</p> <p>(g) mengambil perhatian mengenai laporan ketakakuran yang berulang kawalan ke atas fail dan rekod yang masih lemah. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju supaya:</p> <p>i. rekod kualiti fail kursus dimasukkan dalam Sistem Maklumat Pelajar; dan</p> <p>ii. meminta Ketua PTJ menentukan kaedah pengurusan fail kursus dan membuat pemantauan dengan lebih berkesan.</p> <p>5.3.2 Penemuan Audit EMS</p> <p>5.3.2.1 Audit Tahap 2 oleh SIRIM</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan pembentangan laporan audit Tahap 2 oleh SIRIM dan mengambil makluman bahawa:</p> <p>(a) Audit Pengurusan Alam Sekitar oleh SIRIM telah dilaksanakan pada 9 hingga 13 Jun 2014. Sepanjang audit, seramai empat (4) orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran;</p> <p>(b) hasil Audit Pemantauan terdapat satu (1) ketakakuran iaitu dua (2) bukti objektif dan 29 (dua puluh sembilan) peluang penambahbaikan;</p>	<p>Makluman</p> <p>Tindakan : TWP Prasiswazah</p> <p>Tindakan: Ketua PTJ dan TWP</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(c) kesemua bukti objektif untuk penutupan ketakakuran (NCR) telah dimajukan kepada SIRIM dalam tempoh tiga (3) bulan seperti yang ditetapkan iaitu pada 12 September 2014 dan telah ditutup; dan</p> <p>(d) ringkasan statistik penemuan mengikut skop dan analisis kepada hasil laporan audit pensijilan semula seperti di Lampiran 5.</p> <p>5.3.2.2 Audit Dalaman EMS 2015</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum pembentangan laporan audit dalaman Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) yang telah disediakan oleh Ketua Juruaudit Dalaman EMS (Rujuk Lampiran 6).</p> <p>(b) dimaklumkan Audit Dalaman EMS telah diadakan pada 6 hingga 7 April 2015 yang bertujuan untuk menentukan sama ada Universiti Putra Malaysia:</p> <p>i. melaksanakan Sistem Pengurusan Alam Sekitar berdasarkan keperluan standard MS ISO 14001:2004 dengan efektif selaras dengan Dasar Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia serta objektif dan sasaran Sistem Pengurusan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia; dan</p> <p>ii. bersedia untuk menghadapi Audit Pemantauan Semakan 1 oleh badan pensijilan pada 25 hingga 27 Mei 2015.</p> <p>(c) dimaklumkan bahawa skop audit adalah meliputi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan 18 (lapan belas) Pusat Tanggungjawab terdiri daripada Fakulti, Pusat Asasi Sains Pertanian dan Taman Pertanian Universiti.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(d) dimaklumkan kumpulan audit terdiri daripada 63 (enam puluh tiga) orang Juruaudit yang mempunyai kelayakan untuk mengaudit Sistem Pengurusan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, seramai 49 (empat puluh sembilan) Juruaudit yang dapat menjalankan tugas. Pasukan audit telah dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan besar iaitu A, B dan C.</p> <p>(e) dimaklumkan bilangan ketakuran (NCR) dan peluang penambahbaikan yang direkodkan adalah:</p> <p>i. Ketakuran (NCR) sebanyak tiga (3) klausa dengan 62 (enam puluh dua) bukti objektif; dan</p> <p>ii. Peluang Penambahbaikan (OFI) sebanyak sembilan (9) klausa dengan 39 (tiga puluh sembilan) cadangan.</p> <p>(f) mengambil perhatian isu pembelian bahan kimia secara berlebihan. Mesyuarat mencadangkan pembelian bahan kimia secara berpusat.</p> <p>(g) mengambil perhatian sekiranya penutupan NCR memerlukan peruntukan bajet dan dikategori sebagai 'must have' maka peruntukan perlu disediakan.</p> <p>5.3.2.3 Penilaian Kepatuhan dengan Keperluan Perundangan dan Keperluan Lain</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum pembentangan laporan penilaian kepatuhan dengan keperluan perundangan dan keperluan lain Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) yang telah disediakan oleh urus setia Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) iaitu Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) sebagaimana di Lampiran 7.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: Pejabat Bursar</p> <p>Tindakan: Ketua PTJ dan Bursar</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) mengambil perhatian berkenaan status penerimaan laporan pemeriksaan/pemantauan Objektif dan Sasaran EMS bagi tahun 2014 kecuali laporan pengendalian bahan beracun dari Taman Pertanian Universiti. Mesyuarat dimaklumkan status laporan adalah hanya menerima <i>cover letter</i> dari Institut Latihan Pengembangan Pertanian kepada Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian yang memaklumkan telah menjalankan audit di Unit Sayuran, Seksyen Tanaman, Taman Pertanian Universiti (TPU) UPM. Dimaklumkan juga sesalinan laporan audit tersebut belum diserahkan kepada UPM. Mesyuarat meminta TPU mengambil tindakan selanjutnya berhubung status tersebut.</p> <p>(c) dimaklumkan proses penilaian kepatuhan akan dibuat mengikut Fasa. Dimaklumkan juga bahawa Fasa 1 telah dilaksanakan pada 13 Februari 2015 meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan penjimatan tenaga elektrik; ii. Pelepasan asap kenderaan Universiti; dan iii. Larangan merokok dalam kampus. <p>(d) mesyuarat mengambil makluman bahawa Pejabat Pendaftar telah melaporkan hasil penilaian kepatuhan berhubung laporan bagi larangan merokok dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) untuk tindakan sewajarnya.</p> <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan audit dan penilaian kepatuhan, mesyuarat memutuskan bahawa UPM telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar dengan baik pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun, kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang ditemui/dikemukakan perlu diambil tindakan yang berkesan.</p>	<p>Tindakan: Taman Pertanian Universiti</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
5.4	<p>Komunikasi/Maklumbalas Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan</p> <p>5.4.1 Maklumbalas Pelanggan (Pelanggan Dalam dan Luar)</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Sistem Maklum Balas Pelanggan (U-Respons) dibangunkan secara in-house oleh iDEC dan mula diguna sepenuhnya mulai tahun 2012. Sistem U-Respons boleh diakses di alamat berikut http://www.upm.edu.my/mb untuk memberikan maklum balas, manakala untuk proses tindakan pula boleh diakses di http://u-respons.upm.edu.my;</p> <p>(b) dimaklumkan bahawa setiap PTJ mempunyai Timbalan Penyelaras Kepuasan Pelanggan (TPKP) PTJ bagi mengurus maklum balas pelanggan di peringkat PTJ dan TWP PTJ bertanggungjawab membuat pengesahan keberkesanan tindakan.</p> <p>(c) mengambil makluman laporan perincian maklum balas pelanggan UPM yang dibentang oleh Peneraju Proses (Rujuk Lampiran 8) iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Perbandingan Kategori Maklum Balas Mengikut Tahun 2013 dan 2014; ii. Perbandingan Jumlah Pengguna dan Maklum Balas Mengikut Tahun 2013 dan 2014; iii. Jumlah Maklum Balas Mengikut Status Tindakan 2014; iv. Jumlah Maklum Balas Mengikut Status Tindakan; dan v. Jumlah Maklum Balas Mengikut PTJ. <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan supaya semua maklum balas yang diterima perlu diteliti dan diambil tindakan. Jika maklum balas bersifat aduan maka punca ketakakuran perlu dikenalpasti dan mengambil tindakan mengikut keperluan supaya dapat menambahbaik perkhidmatan yang diberi.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>5.4.2 Kajian Kepuasan Pelanggan</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum latar belakang Kajian Kepuasan Pelanggan Tahun 2014 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. terbahagi kepada empat (4) kategori utama mengikut kategori fungsi utama Universiti iaitu prasiswazah, pascasiswazah, penyelidikan dan inovasi, dan perkhidmatan sokongan; ii. pelaksanaan kajian menggunakan dua (2) kaedah iaitu melalui Borang Kajian Kepuasan Pelanggan dan juga menggunakan edaran borang secara <i>online</i>; dan iii. kajian ini terbuka kepada semua warga dan pelanggan UPM termasuklah pelajar, pelawat, agensi luar, dan sebagainya. <p>(b) mengambil maklumat laporan perincian kajian kepuasan pelanggan yang dibentang oleh Peneraju Proses (Rujuk Lampiran 9) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Analisis Pergerakan Data 2013 dan 2014; ii. Taburan Responden Mengikut Skop Perkhidmatan; iii. Perbandingan Skor Mean Mengikut Tahun 2013 dan 2014; iv. Perbandingan Pencapaian bagi Sasaran Tahunan Mengikut Skop Perkhidmatan; v. Peratusan Pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan Mengikut Kategori Item: Prasiswa; Pascasiswa; Penyelidikan dan Inovasi; Perkhidmatan Sokongan; dan vi. Perbandingan Jenis Komen Mengikut Kategori Maklum Balas. 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
5.5	<p>(c) mengambil perhatian soalan Kajian Kepuasan Pelanggan bagi kategori Pascasiswazah perlu lebih spesifik kepada siswazah dan hendaklah disediakan dalam dwibahasa;</p> <p>(d) mengambil perhatian peratusan pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan bagi proses Pascasiswazah yang mana penilaian paling rendah adalah kualiti sumber iaitu purata min adalah 3.53. Sehubungan itu, kualiti sumber perlu dipertingkatkan mengikut keperluan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.</p> <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa UPM akan mengambil tindakan mengikut keutamaan, terhadap penemuan kajian kepuasan pelanggan berdasarkan sumber sedia ada bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.</p> <p>5.5 Prestasi Proses dan Kepatuhan Produk/Perkhidmatan (QMS)</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) dimaklumkan bahawa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM telah disedia dan disemak oleh Pengurusan Universiti bersama semua Peneraju. Pencapaian bagi sasaran KPI yang ditetapkan telah dibincang dan dibentangkan pada siri bengkel setiap sukuan tahun bersama Pengurusan Universiti dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).</p> <p>(b) mengambil maklum Laporan Semakan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM bagi sukuan keempat tahun 2014 (Q4 2014) sebagaimana di Lampiran 10 dan KPI UPM bagi sukuan pertama tahun 2015 (Q1 2015) sebagaimana di Lampiran 11. Mesyuarat mendapati bahawa:</p> <p>i. sebanyak 39 (tiga puluh sembilan) indikator utama telah diukur bagi Q4 2014, dan pencapaiannya keseluruhan adalah sebanyak 96.6%. Mesyuarat dimaklumkan mengenai pencapaian mengikut pecahan Peneraju iaitu:</p>	<p>Tindakan: Pejabat Naib Canselor</p> <p>Tindakan: Sekolah Pengajian Siswazah</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN																																
	<table border="1" data-bbox="448 230 1114 763"> <thead> <tr> <th data-bbox="448 230 903 302">Peneraju</th> <th data-bbox="903 230 1114 302">Pencapaian (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="448 302 903 365">1. Akademik</td> <td data-bbox="903 302 1114 365">96</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 365 903 427">2. Penyelidikan dan inovasi</td> <td data-bbox="903 365 1114 427">98.7</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 427 903 490">3. Hal Ehwal Pelajar</td> <td data-bbox="903 427 1114 490">100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 490 903 571">4. Jaringan Industri dan Masyarakat</td> <td data-bbox="903 490 1114 571">96</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 571 903 633">5. Sumber Manusia</td> <td data-bbox="903 571 1114 633">98.7</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 633 903 696">6. Pengurusan Kewangan</td> <td data-bbox="903 633 1114 696">87.5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 696 903 763">7. Perkhidmatan Perpustakaan</td> <td data-bbox="903 696 1114 763">99.6</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="352 801 1158 976">ii. sebanyak 39 (tiga puluh sembilan) indikator daripada 50 (lima puluh) KPI yang telah diukur dan dilaporkan bagi Q1 2015, dan pencapaiannya adalah sebanyak 79.8%. Mesyuarat dimaklumkan mengenai pencapaian mengikut pecahan Peneraju iaitu:</p> <table border="1" data-bbox="448 1010 1114 1545"> <thead> <tr> <th data-bbox="448 1010 903 1081">Peneraju</th> <th data-bbox="903 1010 1114 1081">Pencapaian (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="448 1081 903 1144">1. Akademik</td> <td data-bbox="903 1081 1114 1144">70</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 1144 903 1207">2. Penyelidikan dan Inovasi</td> <td data-bbox="903 1144 1114 1207">49.4</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 1207 903 1270">3. Hal Ehwal Pelajar</td> <td data-bbox="903 1207 1114 1270">69.5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 1270 903 1350">4. Jaringan Industri dan Masyarakat</td> <td data-bbox="903 1270 1114 1350">90.7</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 1350 903 1413">5. Sumber Manusia</td> <td data-bbox="903 1350 1114 1413">81.7</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 1413 903 1476">6. Pengurusan Kewangan</td> <td data-bbox="903 1413 1114 1476">97.6</td> </tr> <tr> <td data-bbox="448 1476 903 1545">7. Perkhidmatan Perpustakaan & ICT</td> <td data-bbox="903 1476 1114 1545">100.00</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="371 1621 531 1653">Kesimpulan:</p> <p data-bbox="371 1688 1158 1935">Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa berlaku peningkatan sebanyak 4.58% bagi pencapaian KPI 2014 berbanding pencapaian 2013 iaitu 96.6% pada tahun 2014 dan 92.02% tahun 2013. Manakala bagi Q1 2015 adalah memuaskan dan perlu mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan sasaran yang ditetapkan tercapai.</p>	Peneraju	Pencapaian (%)	1. Akademik	96	2. Penyelidikan dan inovasi	98.7	3. Hal Ehwal Pelajar	100	4. Jaringan Industri dan Masyarakat	96	5. Sumber Manusia	98.7	6. Pengurusan Kewangan	87.5	7. Perkhidmatan Perpustakaan	99.6	Peneraju	Pencapaian (%)	1. Akademik	70	2. Penyelidikan dan Inovasi	49.4	3. Hal Ehwal Pelajar	69.5	4. Jaringan Industri dan Masyarakat	90.7	5. Sumber Manusia	81.7	6. Pengurusan Kewangan	97.6	7. Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	100.00	<p data-bbox="1249 801 1406 833">Makluman</p> <p data-bbox="1249 1688 1406 1720">Makluman</p>
Peneraju	Pencapaian (%)																																	
1. Akademik	96																																	
2. Penyelidikan dan inovasi	98.7																																	
3. Hal Ehwal Pelajar	100																																	
4. Jaringan Industri dan Masyarakat	96																																	
5. Sumber Manusia	98.7																																	
6. Pengurusan Kewangan	87.5																																	
7. Perkhidmatan Perpustakaan	99.6																																	
Peneraju	Pencapaian (%)																																	
1. Akademik	70																																	
2. Penyelidikan dan Inovasi	49.4																																	
3. Hal Ehwal Pelajar	69.5																																	
4. Jaringan Industri dan Masyarakat	90.7																																	
5. Sumber Manusia	81.7																																	
6. Pengurusan Kewangan	97.6																																	
7. Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	100.00																																	

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
5.6	<p>Prestasi Pencapaian Sistem Pengurusan Alam Sekitar</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil makluman prestasi pencapaian Sistem Pengurusan Alam Sekitar di UPM dapat diukur melalui laporan penemuan audit dalaman, penilaian kepatuhan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK), dan analisis pencapaian objektif alam sekitar;</p> <p>(b) meneliti hasil penemuan dan laporan pencapaian tersebut, secara keseluruhannya mendapati pelaksanaan dan pemantauan EMS di bawah skop pengajaran dan pembelajaran menunjukkan peningkatan yang baik dengan pelaksanaan penambahbaikan secara berterusan. Walaubagaimanapun, semua penemuan ketakakuran dan peluang penambahbaikan yang ditemui sedang diambil tindakan bagi memastikan pelaksanaan EMS di UPM adalah berkesan.</p> <p>(c) mengambil makluman laporan perincian hasil penemuan dan pencapaian alam sekitar di UPM boleh dirujuk di bawah laporan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan Ketua Juruaudit Dalaman Sistem Pengurusan Alam Sekitar; ii. Laporan penilaian kepatuhan dengan keperluan perundangan dan keperluan lain; iii. Laporan pencapaian objektif dan sasaran alam sekitar. 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
5.7	<p>Laporan Semakan Pencapaian Objektif dan Sasaran Alam Sekitar</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum objektif alam sekitar di UPM dibangunkan hasil daripada penilaian aspek impak alam sekitar yang signifikan iaitu:</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>i. Penjimatan penggunaan kertas;</p> <p>ii. Penjimatan tenaga elektrik;</p> <p>iii. Memantau pelepasan asap bas bahan bakar diesel;</p> <p>iv. Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik;</p> <p>v. Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan;</p> <p>vi. Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang yang ditetapkan; dan</p> <p>vii. Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan.</p> <p>(b) dimaklumkan laporan semakan pencapaian telah dibuat semasa Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM (JKISO) kali ke-21 yang telah diadakan pada 5 Februari 2015 sebagaimana Lampiran 12.</p> <p>(c) mengambil perhatian tindakan pembetulan yang telah dikenalpasti bagi objektif yang tidak mencapai sasaran iaitu:</p> <p>i. Penjimatan tenaga elektrik; dan</p> <p>ii. Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang yang ditetapkan</p> <p>(d) mengambil perhatian objektif pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik melibatkan 11 (sebelas) PTJ yang terdiri daripada 347 (tiga ratus empat puluh tujuh) makmal kimia. Walau bagaimanapun, analisis yang dilaporkan hanya melibatkan empat (4) PTJ iaitu Fakulti Sains (FS) dan Teknologi Makanan (FSTM), Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB), dan Pusat Asasi Sains Pertanian (PASP). Mesyuarat meminta PTJ yang tidak tersenarai untuk menghantar analisis makmal SS02 kepada Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) bagi tujuan analisis objektif alam sekitar.</p>	<p>Makluman</p> <p>Tindakan: Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset</p> <p>Tindakan: Taman Pertanian Universiti</p> <p>Tindakan: PTJ berkaitan (Kecuali FSTM, FPV, FBSB dan PASP)</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa pencapaian objektif Alam Sekitar bagi tahun 2014 telah dilaporkan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar di UPM. Walau bagaimanapun tindakan pembetulan telah dikenalpasti bagi dua (2) objektif yang tidak mencapai sasaran.</p>	<p>Makluman</p>
<p>5.8</p>	<p>Status Tindakan Pencegahan dan Tindakan Pembetulan</p> <p>5.8.1 Status Tindakan Pencegahan</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) meneliti dan mengambil perhatian status tindakan pencegahan QMS dan EMS telah dikenal pasti bagi mengelakkan ketakakuran berlaku, iaitu:</p> <p>i. dua (2) tindakan pencegahan QMS bagi tempoh 2 Mei 2014 hingga 30 Mac 2015 (Rujuk Lampiran 13); dan</p> <p>ii. dua (2) tindakan pencegahan EMS bagi tempoh 15 September 2014 hingga 30 Mac 2015 (Rujuk Lampiran 14).</p> <p>(b) mengambil maklum perhatian laporan keberkesanan tindakan pencegahan akan dilihat pada Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM (JKISO).</p>	<p>Tindakan: PTJ berkaitan sebagaimana lampiran</p> <p>Tindakan: PTJ berkaitan sebagaimana lampiran</p> <p>Tindakan: Bahagian Pengurusan Kualiti</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>5.8.2 Status Tindakan Pembedulan</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) meneliti dan mengambil perhatian status tindakan pembedulan QMS dan EMS yang direkodkan. Mesyuarat dimaklumkan laporan tindakan pembedulan ini adalah daripada sumber Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras, dan objektif alam sekitar, iaitu:</p> <p>i. 13 (tiga belas) tindakan pembedulan QMS bagi tempoh 2 Mei 2014 hingga 30 Mac 2015 (Rujuk Lampiran 15); dan</p> <p>ii. dua (2) tindakan pembedulan EMS bagi tempoh 15 September 2014 hingga 30 Mac 2015 (Rujuk Lampiran 16).</p> <p>(b) mengambil maklum perhatian laporan keberkesanan tindakan pembedulan akan dilihat pada Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM (JKISO).</p> <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Setelah menerima dan meneliti status tindakan pencegahan dan tindakan pembedulan, UPM mendapati bahawa tindakan pencegahan dan tindakan pembedulan direkod dan dilaksanakan secara berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan kelestarian alam sekitar.</p>	<p>Tindakan: PTJ berkaitan sebagaimana lampiran</p> <p>Tindakan: PTJ berkaitan sebagaimana lampiran</p> <p>Tindakan: Bahagian Pengurusan Kualiti</p> <p>Makluman</p>
5.9	<p>Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) dimaklumkan bahawa laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti ini merangkumi aspek perubahan yang telah dilaksana dari segi penstrukturan organisasi, perubahan terhadap proses kerja melalui teknologi dan inovasi, pelan tindakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya yang memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan pencapaian universiti;</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>(b) meneliti status perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti iaitu 13 (tiga belas) perubahan telah dilaporkan yang mana lapan (8) telah dilaksanakan secara berterusan dan sebanyak lima (5) dalam proses pelaksanaan (Rujuk Lampiran 17);</p> <p>(c) dimaklumkan bahawa lima (5) perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti yang dilaporkan masih dalam proses tindakan pelaksanaan, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Garis Panduan Pelantikan Penolong Penyelidik, Pembantu Penyelidik (Pentadbiran Penyelidik) dan Siswazah Penyelidik Universiti Putra Malaysia; ii. penambahbaikan Syarat Lantikan, KPI dan Syarat Perkhidmatan Felo Penyelidik; iii. membangunkan sistem permohonan dan pengurusan jawatan Pasca Doktor/ Felo Penyelidik/ Felo Perunding/ Penolong Penyelidik/ Pembantu Penyelidik; iv. menaiktaraf Sistem UPMIP (Intelektual Property); dan v. projek Lean bagi Sistem Permohonan Cuti Belajar <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa UPM telah melaksanakan perubahan yang memberi kesan kepada pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan dan mencapai tahap kepuasan pelanggan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Tindakan: Pejabat TNC PI</p> <p>Tindakan: Pejabat TNC PI</p> <p>Tindakan: Pejabat TNC PI</p> <p>Tindakan : Putra Science Park</p> <p>Tindakan: Pejabat Pendaftar</p> <p>Makluman</p>
<p>5.10</p>	<p>Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Alam Sekitar</p> <p>5.10.1 Daftar Undang-Undang</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) meneliti tiga (3) status perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Alam Sekitar keatas Daftar Undang-Undang dan keperluan lain berkaitan sebagaimana di Lampiran 18.</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) mengambil perhatian perubahan yang sedang dilaksanakan iaitu membina senarai semak ("Check Points") untuk kegunaan ahli Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) berdasarkan Daftar Undang-Undang yang memberi kesan memudahkan ahli JKPK membuat penilaian kepatuhan terhadap aktiviti dan laporan yang dikemukakan oleh peneraju proses.</p> <p>5.10.2 Daftar Aspek Impak Alam Sekitar</p> <p>Mesyuarat mengambil makluman empat (4) perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Alam Sekitar ke atas Daftar Aspek Impak yang telah dilaksanakan bagi tempoh 15 September 2013 hingga 30 Mac 2015 sebagaimana di Lampiran 19.</p> <p>5.10.3 Lain-lain Perubahan</p> <p>Mesyuarat mengambil makluman tujuh (7) lain-lain perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Alam Sekitar yang telah dilaksanakan bagi tempoh 15 September 2013 hingga 30 Mac 2015 sebagaimana di Lampiran 20.</p>	<p>Tindakan: Pejabat Penasihat Undang-Undang</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>5.11</p>	<p>Peluang Penambahbaikan</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) dimaklumkan bahawa laporan peluang penambahbaikan ini direkod daripada hasil penemuan kajian kepuasan pelanggan, pemantauan proses produk/perkhidmatan, analisis data, dan hasil laporan pencapaian KPI UPM;</p> <p>(b) dimaklumkan tiada laporan peluang penambahbaikan EMS yang direkodkan sepanjang tempoh 15 September 2013 hingga 30 Mac 2015.</p> <p>(c) meneliti dan mengambil perhatian laporan peluang penambahbaikan QMS bagi tempoh 2 Mei 2014 hingga 30 Mac 2015 adalah sebanyak empat (4) yang disenaraikan (rujuk Lampiran 21), iaitu:</p> <p>i. proses kawalan rekod perlu disemak dan dikaji semula memandangkan terdapat sebilangan rekod khususnya rekod penilaian pengajaran pensyarah tidak diselenggara;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: Pejabat TNC AA</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>ii. meningkatkan penglibatan (membudayakan) pegawai akademik dalam Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) menerusi pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Tahunan Bagi Komponen Jaringan Industri dan Masyarakat yang akan dilaksanakan bermula 2015. Ini adalah untuk menjayakan Pelan Strategik UPM 2014-2020 (Matlamat ke 3: Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat);</p> <p>iii. melonjakkan pencapaian dalam QS Ranking; dan</p> <p>iv. memberi perkhidmatan yang efektif kepada masyarakat dari aspek kesihatan dengan membangun Unit Pakar Kesihatan Bergerak bagi wanita, kanak-kanak dan warga emas.</p> <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan peluang penambahbaikan hendaklah dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.</p>	<p>Tindakan: Pejabat TNC JINM</p> <p>Tindakan: Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi</p> <p>Tindakan: Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan</p> <p>Makluman</p>
	<p>KESIMPULAN KESELURUHAN</p> <p>Secara keseluruhannya mendapati bahawa Dasar Kualiti dan Dasar Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah sesuai. Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 UPM bagi tempoh 2 Mei 2014 hingga 30 Mac 2015 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004 bagi tempoh 15 September 2013 hingga 30 Mac 2015 adalah mencukupi dan berkesan.</p> <p>Keseluruhannya pencapaian KPI UPM Q4 2014 adalah cemerlang iaitu sebanyak 96.6% dan pencapaian KPI Q1 2015 masih berada pada tahap memuaskan iaitu mencapai sebanyak 79.8%. Bagi sasaran KPI Q4 2014 yang tidak tercapai sasaran, tindakan pembetulan telah dilaksanakan. Manakala, bagi sasaran KPI Q1 2015 yang tidak tercapai dan berpotensi untuk tidak tercapai pada Q4 2015 maka tindakan pencegahan telah dikenalpasti dan dalam proses pelaksanaan.</p> <p>Cadangan penambahbaikan yang dilaporkan telah dipersetujui sebagai salah satu tindakan penambahbaikan berterusan kepada Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar di UPM. Justeru, pihak Universiti bersedia untuk menghadapi audit badan pensijilan yang akan dilaksanakan pada tahun 2015.</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>PENANGGUHAN</p> <p>Mesyuarat tamat pada jam 1.00 petang dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	